

31/03/2002

Forum bukan bertujuan mengkritik Barat

Jamhariah Jaafar

MALAYSIA antara negara paling lantang mendesak Barat supaya tidak sewenang-wenangnya menuduh umat Islam sebagai pengganas hingga menjadi musuh dan golongan yang patut diawasi. Jangan hanya kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Justeru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menyarankan supaya diadakan satu forum khas untuk berbincang mengenai isu keganasan dan mencari rumusan terbaik untuk menanganinya. Malaysia menawarkan Kuala Lumpur untuk dijadikan gelanggang perdebatan. Justeru, Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selama tiga hari bermula esok menetapkan hanya satu agenda untuk dibincangkan - terorisme atau keganasan. Ikuti temu wawancara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (gambar), mengenai apa yang diharap dapat dicapai menerusi forum itu.